



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

JUMAAT, 22 DISEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	NANCY: FREE PUBLIC TRANSPORT FOR THE DISABLED WILL ENHANCE THEIR OPPORTUNITIES, ACCESSIBILITY	
	https://thesun.my/local_news/nancy-free-public-transport-for-the-disabled-will-enhance-their-opportunities-accessibility-NB11895459	THESUN.MY
	https://selangorjournal.my/2023/12/free-public-transport-for-disabled-will-enhance-opportunities-accessibility/	SELANGORJOURNAL.MY
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2256248	BERNAMA.COM
	https://thesun.my/cerita/nancy-tambang-percuma-perkhidmatan-prasarana-buat-oku-mudahkan-kebolehcapaian-EB11895427	THESUN.MY
	https://tvstv.my/2023/12/21/pemberian-tambang-percuma-bantu-mudahkan-aksesibiliti-komuniti-oku-nancy/	TVSTV.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2256243	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	KOC WANITA MRT LALUAN KAJANG BANTU KURANGKAN RISIKO GANGGUAN SEKSUAL – NANCY	
	https://tvstv.my/2023/12/21/koc-wanita-mrt-laluan-kajang-bantu-kurangkan-risiko-gangguan-seksual-nancy/	TVSTV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	62 PERATUS PENGGUNA PRASARANA MERUPAKAN GOLONGAN WANITA	
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/62-peratus-pengguna-prasarana-merupakan-golongan-wanita-x8qrdhc?	ASTROAWANI.COM
	https://malaysiagazette.com/2023/12/21/mgnews-koc-wanita-diteruskan-walaupun-ada-golongan-lelaki-tidak-puas-hati-anthony-loke/	MALAYSIAGAZETTE.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

22/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
4	ADUAN GANGGUAN SEKSUAL CATAT PENURUNAN	
	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/12/1042919/aduan-gangguan-seksual-catat-penurunan	HMETRO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/aduan-gangguan-seksual-menurun-sejak-pelaksanaan-koc-wanita-x8qrd6g	ASTROAWANI.COM
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/21/women-only-mrt-coaches-have-led-to-fewer-harassment-complaints-says-loke	THESTAR.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/12/21/mgnews-kaum-hawa-jom-naik-koc-wanita-elak-gangguan-seksual/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://portal.sinarharian.com.my/index.php/2023/12/21/koc-wanita-bantu-turunkan-aduan-kes-gangguan-seksual-2/	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=uzrehpcuLgE	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=pXbUoMnrNnl	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=asbUM-so9do	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=LZSvMtg8O3c	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=SwxR2dMxxNw	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=Wj5-wlx0qxl	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
5	ADA OKU BUTA JATUH LANDASAN, SISTEM PINTU PLATFORM MONOREL AKAN DIPERBAIKI	
	https://malaysiagazette.com/2023/12/21/ada-oku-buta-jatuh-landasan-sistem-pintu-platform-monorel-akan-diperbaiki/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/12/1191390/sistem-pintu-platform-monorel-dinaiktaraf-tingkat-keselamatan	BHARIAN.COM.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
6	OKU NIKMATI TAMBANG PERCUMA UNTUK SEMUA PERKHIDMATAN PRASARANA MULAI 1 FEBUARI	
	https://www.buletintv3.my/nasional/oku-nikmati-tambang-percuma-untuk-semua-perkhidmatan-prasarana-mulai-1-febuari/	BULETINTV3.MY
	https://www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/12/992863/disabled-card-holders-enjoy-free-public-transport-feb-1-updated	NST.COM.MY
	https://paultan.org/2023/12/21/free-public-transport-for-oku-card-holders-from-feb-1-2024-lrt-mrt-monorail-feeder-bus-rapid-kl-bus/	PAULTAN.ORG
	https://malaysiagazette.com/2023/12/21/oku-bakal-nikmati-pengangkutan-awam-percuma-di-lembah-klang/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=tpVglhP56G4	YOUTUBE
	https://malaysiagazette.com/2023/12/21/koc-wanita-transit-aliran-massa-mrt/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=tpVglhP56G4	YOUTUBE
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/pemegang-kad-oku-bakal-nikmati-kemudahan-prasarana-percuma-bermula-feb-2024-x8qrdp3	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=gkU6hYtD8RU	YOUTUBE
	https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/12/1191349/pemegang-kad-oku-bakal-nikmati-tambang-percuma-pengangkutan-awam	BHARIAN.COM.MY
	https://www.myberitaterkini.com/2023/12/pengangkutan-awam-percuma-kepada-oku.html	MYBERITATERKINI.COM
	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/12/1042880/pengguna-oku-bakal-nikmati-perkhidmatan-rel-bas-prasarana-secara-percuma	HMETRO.COM.MY
	https://malaysiatribune.news/2023/12/21/perkhidmatan-pengangkutan-awam-percuma-buat-oku-di-lembah-klang/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS
	https://www.therakyatpost.com/trpbm/berita/2023/12/21/tambang-pengangkutan-awam-percuma-buat-golongan-oku-bermula-februari-2024-anthony-loke/	THERAKYATPOST.COM
	https://www.wilayahku.com.my/tambang-percuma-oku-untuk-semua-perkhidmatan-prasarana-mulai-1-feb/	WILAYAHKU.COM.MY
	https://www.malaysiakini.com/news/690800	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2256118	BERNAMA.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/12/2023

https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/tambang-percuma-pengangkutan-awam-semua-golongan-oku/	UTUSAN.COM.MY
https://www.kosmo.com.my/2023/12/21/tambang-percuma-pengangkutan-awam-untuk-oku-1-februari-nanti/	KOSMO.COM.MY
https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2256118	BERNAMA.COM
https://pandulaju.com.my/tambang-percuma-untuk-oku-naik-pengangkutan-awam-prasarana-mula-1-februari-2024/	PANDULAJU.COM.MY
https://harapandaily.com/tambang-percuma-untuk-pengguna-oku-khidmat-rel-bas-prasarana/	HARAPANDAILY.COM
https://www.youtube.com/watch?v=6vhQym-3Myl	YOUTUBE
https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/12/1042878/tambang-perkhidmatan-rel-bas-percuma-kepada-oku-mulai-1-februari-depan	HMETRO.COM.MY
https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/21/the-disabled-can-ride-for-free-on-prasarana-trains-and-buses-from-feb-1	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	MANGSA BANJIR DI KELANTAN BERKURANGAN	
	https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/12/1191343/mangsa-banjir-di-kelantan-berkurangan	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	PROGRAM WANITA BANGKIT@KPWK MYKASIH KAPITAL YKN - MUKAH SARAWAK	
	https://www.youtube.com/watch?v=_RjXAb-1i4	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
9	PEGUAM KES AMANG SEKSUAL PERTIMBANG KEMUKA REPRESENTASI	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2023/12/peguam-kes-amang-seksual-pertimbang-kemuka-representasi/	UTUSAN.COM.MY



UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

22/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
10	WANITA TINGGAL ANAK DALAM MPV DITUDUH ESOK	
	https://www.kosmo.com.my/2023/12/21/wanita-tinggal-anak-perempuan-2-tahun-dalam-kereta-dituduh-esok/	KOSMO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=hShqzIqHxuE	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
11	2 REMAJA ANTARA 3 DIREMAN SUBAHAT KES CULIK KANAK-KANAK	
	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/12/1042964/2-remaja-antara-3-direman-subahat-kes-culik-kanak-kanak	HMETRO.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/jenayah/3-remaja-subahat-culik-budak-7-tahun-ditahan/	BULETINTV3.MY
	https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/12/1191498/3-remaja-bersubahat-culik-budak-ditahan	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	BAYI EMPAT BULAN MAUT DIPERCAYAI TERSEDAK SUSU	
	https://www.kosmo.com.my/2023/12/21/bayi-empat-bulan-maut-dipercayai-terse-dak-susu/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/bayi-empat-bulan-maut-dipercayai-terse-dak-susu/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/amp/utama/2023/12/1042900/bayi-empat-bulan-maut-terse-dak-susu-ketika-dalam-jagaan-pengasuh	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/12/1191430/bayi-4-bulan-maut-dipercayai-terse-dak-susu	BHARIAN.COM.MY
	https://siraplimau.com/terse-dak-susu/	SIRAPLIMAU.COM
	https://malaysiagazette.com/2023/12/21/bayi-4-bulan-mati-terse-dak-susu-dalam-jagaan-pengasuh/	MALAYSIAKINI.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
13	JANGAN BERDIAM, BERTINDAK JIKA BERADA DALAM SITUASI KEGANASAN RUMAH TANGGA.	
	https://www.youtube.com/watch?v=YUcC56Zfz2c	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
14	DUDA MENGAKU CABUL DUA BERADIK LELAKI DALAM BAS EKSPRES	
	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/12/1042924/duda-mengaku-cabul-dua-beradik-lelaki-dalam-bas-ekspres	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	PENGAWAL KESELAMATAN DIPENJARA TIGA BULAN, MENGAKU CABUL MAHASISWI	
	https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2023/12/pengawal-keselamatan-dipenjara-tiga-bulan-mengaku-cabul-mahasiswa/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=4NyROw_1H0	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
16	CUCU LELAKI PENYANYI WANITA ERA 70- AN DIDAKWA CABUL SEPUPU	
	https://www.kosmo.com.my/2023/12/21/cucu-lelaki-penyanyi-wanita-era-70-an-didakwa-cabul-sepupu/	KOSMO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/amp/utama/2023/12/1042912/cucu-penyanyi-era-70-didakwa-cabul-sepupu	HMETRO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT


LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

22/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
17	BURUH DIDAKWA CABUL ANAK ANGKAT BERUSIA 15 TAHUN	
	https://www.kosmo.com.my/2023/12/21/buruh-didakwa-cabul-anak-angkat-berusia-15-tahun/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/12/penganggur-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-anak-jiran/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.malaysiakini.com/news/690818	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/12/21/penganggur-didakwa-lakukan-amang-seksual-minta-remaja-liwat-dirinya/	KOSMO.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2256179	BERNAMA.COM
	https://selangorkini.my/2023/12/buruh-dipenjarakan-lapan-tahun-buat-amang-seksual-terhadap-remaja-lelaki/	SELANGORKINI.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/penganggur-dituduh-paksa-anak-jiran-liwat-dirinya/	BULETINTV3.MY



Nancy: Free public transport for the disabled will enhance their opportunities, accessibility

21-12-2023 07:12 PM



Filepix: BERNAMAPix

PUTRAJAYA: Women, Family, and Community Development Minister, Datuk Seri Nancy Shukri (*pix*), has lauded the provision of complimentary public transport services by Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) for persons with disabilities, emphasising its role in enhancing opportunities and accessibility for the disabled community.

She underscored the significance of this initiative, viewing it as a clear indication of the Unity Government's commitment to the well-being of the people.

"This highly meaningful initiative can expand avenues and streamline accessibility for the disabled community and certainly supports the government's efforts implemented by the Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) in the development of a more inclusive society in Malaysia for the sake of strengthening the social well-being of the people," she said in a statement here today.

Nancy also extended her appreciation to Transport Minister Anthony Loke for implementing the complimentary fare programme for disabled passengers.

She disclosed that the initiative was the result of discussions held in January, culminating in a consensus that paved the way for the formulation of an appropriate mechanism to implement it.

Earlier today, Loke announced that from Feb 1, 2024, all OKU card holders can enjoy free fares for all public transport services under Prasarana, namely Mass Rapid Transit (MRT), Light Rail Transit (LRT), Monorail and Rapid Bus services around the Klang Valley.

Nancy said KPWKM also commended the Ministry of Transport for the launch of the Kajang Line MRT Female Coach Pilot Project today to reduce the risk of sexual harassment against women while using public transport to give female passengers more confidence and a sense of security.

"This is also in line with the government's focus on providing the best ecosystem in increasing women's participation in the local labour market," she said. -*Bernama*



Koc Wanita MRT laluan Kajang bantu kurangkan risiko gangguan seksual – Nancy

By Hafezzur Muzamir #bm, Malaysia December 21, 2023

KUCHING, 21 Dis: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyambut baik pelancaran Projek Rintis Koc Wanita MRT Laluan Kajang yang diumumkan oleh Menteri Pengangkutan, Anthony Loke hari ini.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, inisiatif berkenaan membantu mengurangkan risiko gangguan seksual terhadap golongan wanita semasa menggunakan pengangkutan awam

Tambah Nancy, langkah berkenaan akan memberi lebih keyakinan dan rasa selamat dalam kalangan penumpang wanita.

"Ini juga selaras dengan fokus kerajaan untuk menyediakan ekosistem yang terbaik dalam meningkatkan penyertaan wanita ke dalam pasaran buruh tempatan," katanya menerusi kenyataan media hari ini.

Projek rintis itu merupakan usaha Kementerian Pengangkutan untuk meningkatkan keselesaan dan menjamin keselamatan penumpang wanita selain mengelakkan mereka daripada menjadi mangsa gangguan seksual.

Terdahulu, Anthony berkata, sejak koc wanita MRT bagi laluan Kajang dilancarkan pada 18 September lepas, aduan berkaitan isu gangguan seksual menunjukkan trend penurunan daripada lapan kes kepada hanya tiga kes. – TVS



62 peratus pengguna Prasarana merupakan golongan wanita

Jelas Menteri Pengangkutan, perkhidmatan merupakan mode pilihan pengguna wanita justeru Prasarana bertanggungjawab memastikan pengangkutan awam selesa dan meluaskan perkhidmatan.


Disember 21, 2023 11:48 MYT



Aduan gangguan seksual menurun sejak pelaksanaan koc wanita

Aduan gangguan seksual di MRT Kajang - sebanyak lapan kes suku pertama, 11 kes (suku kedua) dan lapan kes (suku ketiga) dan hanya tiga kes (suku keempat), kata Menteri Pengangkutan Anthony Loke .

Disember 21, 2023 11:22 MYT



Ada OKU buta jatuh landasan, sistem pintu platform Monorel akan diperbaiki

Oleh Khalis Khadir - 21 December 2023



Menteri Pengangkutan, Anthony Loke bersama Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad meninjau laluan masuk Koc Wanita Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Kajang ketika di Stesen MRT Bandar Tun Hussein Onn. Foto MOHD ADZLAN, 21 DISEMBER 2023.

KUALA LUMPUR – Prasarana Malaysia Bhd (Prasarana) sedang menaik taraf sistem pintu automatik semua stesen Monorel bagi meningkatkan keselamatan pengguna terutama kepada Orang Kelainan Upaya (OKU).

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, masalah itu berpunca daripada pintu platform yang tidak diintegrasikan dengan pintu koc monorel dan ia akan diperbaiki segera dan kontraktor baharu telah dilantik.

"Kita alami sedikit kerumitan sebab kontraktor asal yang pasang sistem itu tidak lagi beroperasi. Jadi masalah pintu platform yang tidak dapat ditutup itu lambat selesai sehingga ke hari ini.

"Situasi itu menjadi punca ada insiden penumpang OKU penglihatan terjatuh dalam kawasan rel kerana mereka ini kerap menggunakan Monorel untuk ke Brickfields yang menjadi pusat aktiviti mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan projek perintis koc wanita MRT laluan Kajang di Stesen MRT Bandar Tun Hussein Onn di sini hari ini.

Sehubungan itu, Anthony memberitahu, pihaknya telah meminta Prasarana untuk menyegerakan proses itu menjelang suku ketiga dan suku keempat 2024 agar isu sama tidak berlarutan.

Mengulas mengenai insiden tayar monorel yang terbakar sebelum terjatuh berdekatan Stesen Monorel Titiwangsa kelmarin, Anthony berkata, kejadian itu sudah dilaporkan kepada kementeriannya dan masih dalam siasatan pihak Prasarana.

Walaupun insiden itu tidak membabitkan sebarang kecederaan dan tiada kesan kepada operasi pada hari berkenaan namun pihaknya memandang serius kejadian terbabit.

Rentetan itu, Prasarana telah diarah memberikan laporan lengkap kepada Kementerian Pengangkutan termasuk salinan kepada Agensi Pengangkutan Awam Darat. – MalaysiaGazette



OKU nikmati tambang percuma untuk semua perkhidmatan Prasarana mulai 1 Februari

🕒 21 Disember 2023, 1:31pm



KAJANG: Semua pemegang kad Orang Kurang Upaya (OKU) akan menikmati tambang percuma bagi semua perkhidmatan kenderaan awam kendalian Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) mulai 1 Februari 2024.

Menteri Pengangkutan Anthony Loke berkata inisiatif itu melibatkan semua perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT), Transit Aliran Ringan (LRT), monorel dan bas Prasarana di sekitar Lembah Klang.

Prasarana diberi tempoh sebulan untuk melakukan persiapan dan menyelaraskan sistem tiket termasuk pemberian kad konsesi khas kepada pengguna OKU.

"Pengguna hanya perlu mengemukakan kad OKU yang dikeluarkan JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) dan memohon kad berkenaan.


"Walaupun tambang percuma memberi impak kewangan kepada Prasarana, namun kemudahan ini sebahagian daripada CSR (tanggungjawab sosial korporat) mereka," katanya ketika ditemui di Stesen MRT Stadium Kajang.

Jelasnya, Inisiatif itu adalah penambahbaikan berbanding pas konsesi sebelum ini yang menawarkan diskaun 50 peratus ke atas tambang perjalanan untuk penumpang OKU.

Selain itu, RapidKL dan RapidPenang juga ada menyediakan perkhidmatan van khusus untuk penumpang OKU yang dikenali sebagai Rapid Mobility.

"Perhatian yang diberi kepada penumpang OKU adalah konsisten dengan konsep Malaysia Madani yang menekankan nilai Ihsan.

"Prinsip Kerajaan adalah pengangkutan awam harus bersifat inklusif tanpa mengira latar belakang atau darjat," katanya.



Mangsa banjir di Kelantan berkurangan

Hidayatidayu Razali

bhnews@bh.com.my

December 21, 2023 @ 11:45am



Keadaan cuaca semakin baik di Kampung Lubok Gong Hilir di Pasir Mas. - Foto Bernama

KOTA BHARU: Cuaca baik sejak beberapa hari lalu menyebabkan jumlah mangsa banjir termenung di Kelantan menurun kepada 2,894 orang setakat 10 pagi ini, berbanding 3,109 orang malam tadi.

Menurut portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kesemua mangsa membabitkan 899 keluarga itu berlindung di 10 pusat pemindahan sementara (PPS) di jajahan Pasir Mas.

PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Gual To' Deh mencatatkan mangsa banjir paling ramai dengan jumlah 867 orang daripada 278 keluarga, diikuti SK Gual Periok (501 orang, 119 keluarga) dan SK Sri Kiambang (421 orang, 124 keluarga).

Tujuh lagi PPS yang menjadi tempat berlindung mangsa banjir adalah SMK Baroh Pial (420 orang, 177 keluarga), Masjid Mukim Padang Licin (258 orang, 75 keluarga), Madrasah Tasek Bakong (194 orang, 48 keluarga), SK Kedai Tanjong (78 orang, 24 keluarga), Sekolah Menengah Agama (A) Pohon Buloh (61 mangsa, 32 keluarga) dan SK Gual Tinggi (36 orang, sembilan keluarga).



Peguam kes amang seksual pertimbang kemuka representasi



PEMBANTU operasi kolej vokasional (berbaju hitam dan memakai pelitup muka) hadir Mahkamah Sesyen Putrajaya bagi sebutan kes amang seksual yang dihadapinya. - UTUSAN/FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR

Oleh NORLIZAH ABAS 21 Disember 2023, 12:36 pm

PUTRAJAYA: Pihak pembelaan dalam kes seorang pembantu operasi kolej vokasional sedang mempertimbang mengemukakan representasi kepada [Jabatan Peguam Negara \(AGC\)](#) bagi menggugurkan tujuh pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap lima remaja lelaki yang dihadapi anak guamnya.

Peguam Nasrul Hadi Mat Saad yang mewakili tertuduh berkata, perkara itu akan dibincangkan dengan lelaki berusia 44 tahun itu selepas pihaknya selesai meneliti dokumen kes berkenaan.

Ujarnya, pada sebutan kes hari ini, pihaknya menerima dokumen yang diserahkan oleh pendakwa dan selanjutnya akan diteliti sebelum mendapatkan arahan lanjut daripada anak guam.

"Kalau buat keputusan untuk failkan representasi, mahkamah arahkan ia dihantar dalam tempoh tiga minggu sebelum pengurusan kes dua bulan lagi," katanya ketika ditemui media selepas prosiding di Mahkamah Sesyen, di sini hari ini.

Hakim Datin M. Kunasundry menetapkan 16 Februari depan untuk pengurusan kes.

Pada prosiding itu, Timbalan Pendakwa Raya Nurul Faraheen Yahya mengesahkan akan memaklumkan jumlah saksi untuk perbicaraan pada pengurusan kes berkenaan.

Pada 13 Oktober lalu, pembantu operasi kolej vokasional itu mengaku tidak bersalah di hadapan hakim sama atas tujuh tuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap lima remaja lelaki.

Tertuduh yang masih bujang didakwa melakukan amang seksual terhadap remaja berusia 16 dan 17 tahun bagi tujuan seksual, di kolej terlibat antara Februari 2022 dan September lalu.

Pendakwaan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum mengikut akta sama yang membawa kepada hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan sebat jika disabitkan kesalahan. - [UTUSAN](#)



Wanita tinggalkan anak dalam MPV dituduh esok

Oleh NURUL IZZATI ZAINI | 21 Disember 2023, 2:34 pm



Kenderaan yang dinaiki oleh ibu dan anak perempuannya ketika kejadian tersebut.

PETALING JAYA – Seorang wanita yang cuai meninggalkan anak perempuannya berusia dua tahun selama lebih tujuh jam di dalam sebuah kenderaan sehingga kanak-kanak itu meninggal dunia akan dituduh di Mahkamah Seksyen di sini, esok.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Fakhruddin Abdul Hamid berkata, wanita nyang berusia dalam lingkungan 30-an itu akan didakwa di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001.

"Suspek akan dituduh esok pada pukul 9 pagi," katanya ketika dihubungi hari ini.

Ditanya sama ada terdapat kes cuai yang diheret ke mahkamah sebelum ini, Mohamad Fakhruddin mengakui jarang sekali suspek didakwa di bawah seksyen tersebut.

"Ada kes ini sebelum ini tetapi sangat jarang suspek dituduh di bawah seksyen ini.

"Kita harap dengan pertuduhan ini, orang ramai mempunyai kesedaran yang tinggi untuk tidak mengabaikan anak-anak seperti tertinggal di dalam kereta sehingga menyebabkan kematian," katanya.

Kosmo! sebelum ini melaporkan seorang kanak-kanak berusia dua tahun ditemui tidak sedarkan diri selepas lebih tujuh jam ditinggalkan dalam sebuah kenderaan pelbagai guna jenis Toyota Vellfire di kawasan perumahan Ara Damansara di sini, 8 November lalu.

Polis menerima panggilan daripada ibu mangsa yang memaklumkan anaknya tidak sedarkan diri pada pukul 3.49 petang.

Siasatan lanjut mendapati pada pukul 7 pagi, ibu kanak-kanak itu menghantar dua anaknya ke sekolah berhampiran seterusnya ke tadika untuk menghantar mangsa.

Sampai di tadika, ibu mangsa berhenti sekejap untuk menyelesaikan urusan perniagaan online sehingga terlupa menurunkan kanak-kanak tersebut di lokasi.

Ibu mangsa kemudian balik ke rumah dan hanya menyedari mangsa berada dalam kenderaan pada pukul 3.35 petang dalam keadaan tidak sedarkan diri. – KOSMO ONLINE



2 remaja antara 3 direman subahat kes culik kanak-kanak



GAMBAR hiasan

Johor Bahru: Dua remaja lelaki antara tiga ditahan semalam, dipercayai bersubahat menculik seorang kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun di bandar raya ini pada 12 Disember lalu.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan Asisten Komisioner Raub Selamat berkata remaja berusia 15 dan 17 tahun itu ditahan bersama seorang lelaki berusia 18 tahun, di Pontian, kira-kira 5.40 petang.

Ketiga-tiga individu terbabit kini direman empat hari bermula hari ini selepas perintah reman dikeluarkan Majistret Nur Fatin Mohamad Farid, katanya dalam satu kenyataan.

Semalam, Raub dipetik sebagai berkata seorang lelaki warga China berstatus penduduk tetap di Singapura cedera parah ketika menyelamatkan anak lelakinya daripada diculik sekumpulan lelaki yang menaiki sebuah kereta pada 12 Disember lalu, di sini.


Bagaimanapun, kanak-kanak berkenaan selamat.

Raub berkata suspek utama iaitu seorang lelaki berusia 41 yang dipercayai rakan kongsi kepada warga China itu, berjaya ditahan di hadapan Balai Polis Taman Pelangi, 8 malam hari yang sama.

Beliau berkata lelaki berkenaan yang merancang mahu melakukan pemerasan wang sebanyak RM300,000 daripada mangsa, bagaimanapun telah dituduh pada Selasa lepas.

Sebelum ini, tular sebuah laporan portal mengenai kejadian culik membabitkan seorang warga Singapura yang mendakwa cedera termasuk kehilangan gigi, ketika menyelamatkan anak lelakinya daripada menjadi mangsa culik di daerah ini.

Disiarkan pada: December 21, 2023 @ 3:28pm



Bayi empat bulan maut dipercayai tersedak susu

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR 21 Disember 2023, 2:09 pm



Gambar hiasan

PUTRAJAYA – Seorang bayi berusia empat bulan maut dipercayai tersedak susu ketika mendapatkan rawatan di Hospital Putrajaya, petang semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 10.30 pagi Selasa lalu, mangsa dikenali sebagai Mikhael Mazlan didapati tidak sedarkan diri akibat tersedak susu ketika berada di rumah pengasuhnya.

Ketua Polis Daerah Putrajaya, Asisten Komisioner A. Asmadi Abdul Aziz berkata, kematian mangsa disahkan oleh doktor perubatan Hospital Putrajaya yang juga pengadu.

Beliau berkata, ketika pasukan perubatan tiba di rumah pengasuh pagi Selasa lalu, mangsa telah diberikan bantuan pernafasan kecemasan (CPR) selama 40 minit selepas didapati tidak sedarkan diri.

"Mangsa kemudian di bawa ke hospital bagi mendapatkan rawatan lanjut. Doktor memaklumkan jantung mangsa kembali normal ketika dirawat di hospital namun, masih memerlukan bantuan pernafasan.

"Malah, doktor memaklumkan mangsa juga akan di bawa ke Tunku Azizah Hospital (Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Kuala Lumpur) untuk rawatan lanjut. Bagaimanapun, kira-kira pukul 3 petang semalam, mangsa disahkan meninggal dunia. – KOSMO! ONLINE



Duda mengaku cabul dua beradik lelaki dalam bas ekspres



Muhammad Khairuddin dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Muar selepas mengaku cabul dua beradik dalam bas ekspres. FOTO Alias Abd Rani

Muar: Seorang duda mengaku salah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan mencabul kehormatan dua beradik lelaki dalam bas ekspres dipandunya, minggu lalu.

Muhammad Khairuddin Kassim, 38, membuat pengakuan salah itu sebaik kedua-dua pertuduhan dibaca oleh jurubahasa di hadapan Hakim Irwan Suaibon.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap remaja lelaki berusia 16 tahun di tempat duduk dalam bas ekspres yang dalam perjalanan ke Kuala Lumpur, antara jam 11 pagi hingga 1 petang, 17 Disember lalu.

Pertuduhan kedua pula, dia turut didakwa melakukan perkara sama terhadap kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun yang juga adik mangsa pertama di tempat rehat pemandu di belakang bas dengan kejadian berlaku pada tarikh dan masa sama.

Bagi kedua-dua pertuduhan itu dia didakwa mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara 20 tahun dan juga sebatan bagi setiap pertuduhan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Nur Sulehan Abd Rahman manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pihak pendakwaan memohon mahkamah supaya tertuduh tidak dibenarkan ikat jamin memandangkan kesalahan ini sangat serius memabitkan dua beradik.

Namun, selepas mendengar hujahan itu, mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 bagi kedua-dua pertuduhan.

Mahkamah juga menetapkan 10 Januari depan untuk pihak pendakwaan menyediakan fakta kes serta menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh.


Dalam kejadian itu, dua beradik dilaporkan menaiki bas di Terminal Bas Larkin, Johor Bahru untuk ke Kuala Lumpur.

Kedua-dua beradik duduk bersebelahan di tempat penumpang sebelum tertuduh meminta adiknya bangun, beralih ke tempat rehat pemandu di belakang.

Kesempatan itu diambil tertuduh untuk melakukan perbuatan keji terhadap kedua-dua mangsa sebelum mereka membuat laporan polis.

Kejadian berlaku ketika bas terbabit dalam perjalanan ke bandar ini untuk mengambil penumpang.

Disiarkan pada: December 21, 2023 @ 2:07pm



Pengawal keselamatan dipenjara tiga bulan, mengaku cabul mahasiswi



TERTUDUH diiring anggota polis selepas mengaku bersalah di Mahkamah Majistret, Ayer Keroh, Melaka atas pertuduhan menggunakan kekerasan untuk mencabul seorang mahasiswi. - UTUSAN/SYAFEEQ AHMAD

MELAKA: Padah menggunakan kekerasan untuk mencabul seorang mahasiswi di sebuah universiti awam terkemuka di negeri ini, Mahkamah Majistret di sini hari ini menjatuhkan hukuman penjara tiga bulan terhadap seorang pemuda berusia 24 tahun.

Ini selepas tertuduh, Muhammad Hafas Sharuddin yang bekerja sebagai pengawal keselamatan mengaku bersalah di hadapan Majistret Sharda Shienha Mohd. Suleiman sebaik sahaja pertuduhan dibacakan terhadapnya.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didapati telah menggunakan kekerasan jenayah terhadap seorang penuntut universiti berusia 22 tahun dengan niat hendak mencabul kehormatan mangsa.


Perbuatan itu dilakukan kira-kira pukul 9.30 pagi di bahagian tepi pintu masuk sebuah kampus universiti awam dalam daerah Melaka Tengah pada 10 Disember 2023.

Mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan, tertuduh boleh dipenjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebat atau mana-mana dua daripada hukuman itu, jika sabit kesalahan.

Peguam daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Muhammad Izzuddin Ab. Malek merayu hukuman diringankan dengan alasan anak guamnya telah insaf.

Timbalan Pendakwa Raya Wardah Ishhar memohon hukuman setimpal diberikan selepas mengambil kira kesalahan dilakukan tertuduh adalah serius.

Mahkamah menjatuhkan tiga bulan penjara bermula dari tarikh ditangkap iaitu pada 14 Disember 2023. - UTUSAN



Cucu lelaki penyanyi wanita era 70- an didakwa cabul sepupu

Oleh NUZULSHAM SHAMSUDDIN 21 Disember 2023, 3:41 pm



Tertuduh yang merupakan pesalah bawah umur ketika hadir di Mahkamah Majistret hari ini. Foto oleh SHIDIQQIN ZON

PETALING JAYA – Seorang remaja lelaki yang juga cucu seorang penyanyi wanita era 70- an didakwa di Mahkamah Majistret di sini hari ini atas pertuduhan mencabul kehormatan sepupu perempuannya berusia 17 tahun Oktober lalu.

Bagaimanapun tertuduh yang juga berusia 17 tahun itu mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Majistret Farah Azura Mohd. Saad.

Semasa prosiding hari ini, pendakwaan terhadap tertuduh dijalankan secara tertutup memandangkan tertuduh merupakan pesalah kanak-kanak bawah umur.


Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa telah melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa yang juga sepupu perempuannya bagi tujuan seksual di sebuah kediaman di Jalan Gasing di sini pukul 3 pagi pada 15 Oktober lalu (2023).

Berikutan itu, pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang bawah dihukum bawah seksyen 14 Akta yang sama.

Hukuman bagi seksyen itu memperuntukkan penjara maksimum 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan jika sabit kesalahan.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM1,800 dengan seorang penjamin dan menetapkan 15 Februari tahun depan sebagai sebutan semula kes.

Semasa prosiding pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Noor Khairun Nisa Noor Harun manakala peguam Datuk Suraj Singh mewakili tertuduh. – KOSMO! ONLINE



Buruh didakwa cabul anak angkat berusia 15 tahun

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA 21 Disember 2023, 2:23 pm



Anggota polis mengiringi tertuduh (kiri) untuk didakwa di Mahkamah Sesyen Kota Bharu hari ini. FOTO KAMARUL BISMIL KAMARUZAMAN.

KOTA BHARU – Seorang buruh didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas dua pertuduhan mencabul anak angkatnya yang berusia 15 tahun di Bachok dekat sini, kira-kira dua minggu lalu.

Tertuduh yang berusia 49 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Mohd. Zul Zakiqudin Zulkifli.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, tertuduh yang mempunyai hubungan amanah didakwa dengan maksud seksual telah melakukan amang seksual fizikal dengan mencabul seorang kanak-kanak warganegara Thailand berusia 15 tahun 4 bulan.

Kedua-dua kesalahan itu dilakukan di sebuah rumah dekat Bachok di sini kira-kira pukul 7.30 pagi pada 10 Disember lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 14 Akta sama yang dibaca bersama Seksyen 16 Akta yang sama.

Seksyen tersebut memperuntukan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan boleh juga dihukum sebat jika disabitkan kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nur Akmal Mohd. Bakri manakala tertuduh diwakili peguam Mohd. Zubairi Salleh.

Terdahulu, Nur Akmal tidak menawarkan tertuduh diikat jamin atas kedua-dua pertuduhan yang dihadapinya kerana bimbang akan mengganggu saksi dan mangsa.

"Tertuduh menanggung seorang isteri, dua orang anak dan kedua ibu bapanya. Selain itu, bapa tertuduh juga menghidap penyakit asma yang kronik.

"Ini merupakan kesalahan pertamanya dan anak guam saya sudah memberi kerjasama kepada pihak polis sepanjang siasatan kes dijalankan," katanya.

